

Gagal kuasai bahasa Inggeris punca pelajar Melayu asingkan diri

UM 29 JUL 2002

KUALA LUMPUR 28 Julai — Rasa rendah diri berikutan kegagalan menguasai bahasa Inggeris dengan baik adalah antara punca pelajar Melayu kurang bercampur dengan pelajar kaum lain di universiti tempatan khususnya, di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Dekan Sekolah Pengurusan Sains Sosial Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Madya Dr. Ahmad Atory Hussain berkata, masalah itu dilihat lebih ketara di kalangan pelajar yang berasal dari sekolah-sekolah luar bandar berbanding pelajar dari bandar.

Menurutnya, ekoran kekurangan itu, pelajar-pelajar Melayu lebih cenderung mencari rakan daripada kalangan kaumnya sendiri kerana mereka akan berasa lebih selesa, tidak tercabar dan mudah bercanggah.

"Keadaan ini tidak berlaku di institusi pengajian tinggi swasta kerana pelajar di institusi itu boleh menguasai bahasa Inggeris yang membolehkan mereka berinteraksi dengan sesiapa sahaja," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa ekstremisme berasaskan kaum di kalangan generasi muda semakin serius.

Kata Dr. Mahathir, keadaan itu amat berbeza dengan keadaan sebelum ini yang memperlihatkan semua kaum dapat bercampur antara satu sama lain tanpa sebarang masalah termasuk semasa beliau menuntut di universiti.

Perdana Menteri berkata, semasa di universiti, beliau berkongsi bilik dengan pelajar Cina tanya menghilangkan kemelayaan atau keislamannya tetapi keadaan itu tidak lagi berlaku pada hari ini.

Selain itu, kata Ahmad Atory, faktor penyelesaian dan keselamatan apabila bersama rakan sesama kaum juga menyebabkan pelajar-pelajar universiti dilihat sering bergaul sesama kaumnya sahaja.

"Ini soal biasa kerana ia memang lumrah manusia dan ia kadang kala berlaku tanpa didorong oleh apa-apa sebab. Keadaan ini tidak boleh disifatkan sebagai perkauman," katanya.

Bagaimanapun, katanya, keadaan itu tidak perlu dibimbangkan kerana ia boleh diatasi dengan inisiatif pensyarah yang mendorong kepada perubahan sikap dan minda pelajar.

Sebagai contoh, katanya, di dalam bilik kuliah, pensyarah boleh mengarahkan supaya pelajar sesuatu kaum tidak duduk secara berkumpulan, sebaliknya duduk bersama rakan daripada kaum yang lain.

Dari segi dasar, beliau berkata, sistem pendidikan yang diamalkan sekarang sudah berada di landasan yang betul walaupun ia dilihat masih belum berjaya memupuk perpaduan nasional yang tulen.

"Sebenarnya, perpaduan kita masih berada di peringkat integrasi dan belum di peringkat asimilasi. Pada peringkat integrasi ini, keadaan-keadaan seperti sekarang akan berlaku," katanya.

Justeru, katanya, pelaksanaan sistem meritokrasi untuk pengambilan ke IPTA dan sekolah wawasan boleh membantu mewujudkan bangsa Malaysia yang lebih rapat hubungannya pada masa depan.

Mengenai gejala ekstremisme dalam masyarakat, Ahmad Atory berkata, hanya segelintir masyarakat sahaja yang tergolong dalam kumpulan tersebut.

"Sebab itu, keadaan di Malaysia masih aman dan negara masih boleh terus maju," katanya.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, usaha membanteras golongan tersebut masih perlu diteruskan supaya ia tidak berkembang dan menjadi ancaman yang membahayakan negara.